

Islam dan Dakwah dalam Zaman Kebangkitan Awal Islam dan Era Penjajahan Barat di Tanah Melayu

Islam and *Dakwah* During Early Islamic Resurgence and Western Colonialism in Malaya

BADLIHISHAM MOHD NASIR

ABSTRAK

Tidak dinafikan lagi bahawa Islam di Malaysia telah mencapai kedudukan yang tinggi meskipun terpaksa menempuh jalan berliku ke puncak. Islam dilihat berkembang di Nusantara dan menyebabkan penghijrahan besar dari anutan Hindu-Buddha kepada ajaran baru Nabi Muhammad. Artikel ini bertujuan menyorot kebangkitan awal Islam dan dakwah yang menjadi pemangkin perkembangannya di sepanjang sejarah. Seterusnya, Islam dan dakwah adalah aspek penting yang menjadi fokus kajian ini khususnya ketika zaman penjajahan. Sorotan historis ini mendapati bahawa Islam dan dakwah adalah dua aspek yang saling digunakan secara bertukar ganti yang begitu berpengaruh dalam sejarah Tanah Melayu. Walaupun berdepan dengan cabaran besar pada awal kebangkitan dan ketika era penjajahan, Islam dan dakwah berjaya muncul sebagai suatu simbiosis yang sukar dipisahkan antara satu sama lain.

Kata Kunci: Islam, dakwah, politik, barat, Melayu

ABSTRACT

It is undeniable fact that Islam in Malaysia has reached the highest position in the country despite of its crumbling journey to the peak. Islam is seen to have spread in the Archipelago and had caused a great migration from Hindu-Buddhist adherence to the new teaching of the Prophet Muhammad. The article seeks to review the early advent of Islam as well as dakwah that became the catalyst of its spreading throughout history. Moreover, Islam and dakwah are the most important aspect that become the focus of the study particularly during the colonial rule. This historical review reveals that Islam and dakwah are the two interchangeable aspect that so influential in the history of Malaya. Despite great challenge in its early advent and during colonial era, Islam and dakwah had succeeded to rise as the symbiosis that is hard to pull apart.

Keywords: Islam, dakwah, politics, western, Malay

PENGENALAN

Umumnya, Islam di Malaysia memang tidak perlu diperkenalkan lagi. Islam dilihat telah berakar umbi sejak kedatangannya kira-kira lebih seribu tahun yang lalu. Islam telah diterima bukan sahaja dalam kehidupan peribadi bahkan telah menjadi dasar bagi masyarakat dan negara. Kemuncak kejayaan ini dibuktikan melalui perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam yang membayangkan bahawa agama tersebut telah diterima bukan sahaja dalam kehidupan personal bahkan dalam konteks mengatur masyarakat dan negara. Pada peringkat awal, kemunculan agama ini dikenali sebagai perkembangan Islam, manakala kebangkitannya pada era 1970-an membawa kepada kemunculan penggunaan istilah dakwah secara meluas bagi tujuan menggambarkan perkembangannya di Malaysia. Secara khusus, kebangkitan baru ini boleh dikaitkan sebagai gerakan dakwah yang menjadikan Islam sebagai fokus perjuangan utama.

Dalam pengertian lain, Islam dan dakwah adalah suatu kebangkitan yang seiring dan menuju destinasi yang sama. Simbiosis yang kukuh di antara Islam dan dakwah pada tahap awal dan era penjajahan ini sewajarnya disorot bagi membuka suatu penelitian dan panduan yang berguna kepada semua pihak yang terlibat dalam perjuangan suci ini.

KEBANGKITAN AWAL ISLAM DAN DAKWAH DI ALAM MELAYU

Sebelum kedatangan Islam, kepulauan ini diperintah dan dikuasai oleh kerajaan Melayu-Buddha seperti kerajaan Langkasuka, Srivijaya, Majapahit, Singhasari dan Kedah Tua. Namun begitu, setelah kedatangan Islam, senario ini telah berubah. Seterusnya, Islam telah banyak mempengaruhi aspek kehidupan masyarakat ketika itu.

Sebagaimana pentingnya isu penerapan Islam di alam Melayu, sebahagian besar sarjana berpendapat

bahawa Islam telah tiba di antara kurun ke-17 dan kurun ke-19. Teori yang menyatakan Islam telah tiba pada kurun ke-17 adalah berdasarkan hujah bahawa terdapatnya hubungan perdagangan di antara negara Arab dan China sebelum kebangkitan Islam. Maka selepas kebangkitan Islam di Tanah Arab, hubungan sedia ada ini digunakan oleh orang-orang Islam bagi menyebarkan Islam ke China dan lain-lain tempat di sebelah timur (Ibrahim Ma t.th.). Tibbet (1951) berpendapat bahawa saudagar Arab telah berjaya tiba di kepulauan ini dan seluruh Asia Tenggara seawal kurun kurun ke-5. Teori ini telah disokong oleh Arnold berdasarkan sumber yang dikutip dari China, bahawa telah wujud penempatan Arab dan kemungkinan orang-orang Islam di pantai barat Sumatera seawal tahun 674 Masihi (Arnold 1970).

Walau bagaimanapun, kebanyakan sarjana membuktikan bahawa tarikh yang terdekat ialah pada kurun ke-13 (Husin Mutalib 1990). Ini berdasarkan bukti yang kukuh seperti kaum Perlak di Sumatera memeluk Islam (Brian Harrison 1968) dan penemuan Batu Bersurat di Kuala Berang, Terengganu yang menyatakan negeri tersebut memeluk Islam sebelum tahun 1303. Selain itu, Fatimi (1963) menyatakan terdapat bukti yang jelas Islam telah tiba pada tahun 1204 ketika ia mula menguasai politik di Tanah Melayu. Kenyataan ini disokong oleh Brian Harrison yang menyatakan bahawa ketika Portugis muncul pada 1511, Semenanjung Tanah Melayu, Jawa, Maluku, Sulawesi, Borneo, Mindanao dan Kepulauan Sulu di Filipina telah lama memeluk Islam (Harrison 1968: 56-57).

Sementara itu, perbincangan tentang tempat asal tersebarnya Islam, teori yang paling terkenal ialah ia datang terus daripada negara Arab. Ia bertentangan dengan pendapat yang ia berasal dari Persia, Corromandel dan India, kerana teori ini berdasarkan beberapa fakta. Pertama, orang Melayu mengamalkan Mazhab Shafi'i yang kebanyakannya turut diamalkan di negara-negara Arab. Kedua, kebanyakan nama-nama orang Melayu adalah sama dengan nama-nama orang Arab seperti Fatimah, Hassan, Ridhwan dan banyak lagi. Ketiga, jenis-jenis amalan tariqat sufi yang ditemui di Tanah Melayu adalah berasal dari Arab-Persia iaitu Ahmadiyyah, Muhammadiyyah dan Naqshabandiyyah. Akhir sekali, sejak kurun ke-17 terdapat banyak buku berkaitan ajaran Islam ditulis dalam Bahasa Melayu menggunakan huruf-huruf Arab, iaitu jawi (Fatimi 1963).

Seperti yang telah dijelaskan, penyebaran Islam boleh dikaitkan dengan peranan saudagar Muslim. Namun, A. H. Johns mendakwa bahawa mereka bukanlah semestinya penyebar agama Islam melainkan

saudagar tersebut terdiri dari golongan saudagar sufi yang lazimnya diketuai oleh para "Sheikh" (Fatimi 1963: 65) Ini membuktikan betapa pentingnya peranan ahli-ahli sufi di dalam menyampaikan mesej Islam di kalangan rakyat jelata. Contohnya, Makhdum Sayyid Abdul Aziz dan Sheikh Abdullah al-Yamani telah mengislamkan pemerintah dan rakyat negeri Melaka dan Kedah (Shellabear 1967). Sementara itu, menurut Mohd Yusof Iskandar (1979) Maulana Abu Bakar, Kadi Yusof, Kadi Menus, Kadi Menawar Shah dan Makhdum Sadar Jahan telah terlibat dalam penyebaran Islam setelah mereka menjadi guru agama di negeri Melaka.

Wujud juga gerakan dakwah yang diketuai oleh ahli sufi iaitu Maulana Malik Ibrahim di Gerisek, yang tinggal sebagai pendakwah selama lebih 20 tahun sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1419 AD. Tugas menyebarkan Islam di Tanah Jawa telah dijalankan oleh 9 orang ahli sufi yang digelar sebagai Wali Songo oleh orang-orang Jawa. Catatan sejarah Jawa, *Babad Tanah Jawi*, telah menyatakan salah seorang daripada Wali Songo, Sunan Bonang telah berjaya mengislamkan penganut Buddha-Siva yang dikenali sebagai *Adjar* (Muhammad Abu Bakar 1991). Walaupun metode dakwah yang dilaksanakan oleh Wali Songo ini dikritik justeru banyak berkompromi dengan adat masyarakat Jawa, mereka berjaya memecahkan tembok penghalang tradisi masyarakat tempatan bagi mengenali Islam pada peringkat awal.

Islam telah tersebar luas di gugusan Kepulauan Melayu disebabkan oleh pembangunan bandar-bandar yang terletak berhampiran pelabuhan termasuklah Melaka, Pasai dan Aceh. Kemudian Islam menyerap masuk ke alam Melayu melalui undang-undang pemerintahannya. Terdapat bukti kukuh tentang hubung kait ini secara langsung dengan institusi raja yang sekaligus menunjukkan bahawa proses tersebut telah dipengaruhi oleh keadaan dan motif politik ketika itu (Van Leur 1959).

Sebenarnya, Islam telah menjadi medium perantara kepercayaan agama yang baru kepada pemerintah dalam menghapuskan penentang mereka. Penerimaan Islam oleh istana telah membantu proses penerimaan Islam dalam kalangan golongan rakyat bawahan. Dalam erti kata lain, penerimaan Islam oleh raja menyebabkan kaumnya turut mengikut memeluk Islam (Morrison 1957). Ini diperkukuhkan lagi oleh sumber yang menyatakan bahawa proses pengislaman dalam kalangan masyarakat Melayu dan di seluruh negeri telah bermula dengan pengislaman pengasas kesultanan Melayu Melaka sekitar tahun 1400 (al-Attas 1969).

Berbanding dengan negara Islam yang lain di gugusan Kepulauan Melayu, penyebaran Islam di Melaka adalah lebih pesat, meluas dan berjaya pada kurun ke-15. Kedudukan kerajaan Melaka yang kukuh telah menjadikannya sebagai pusat pengembangan agama Islam. Ia telah berjaya menggubal rang undang-undang berlandaskan hukum Syariah yang dikenali sebagai Undang-undang Melaka/Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Walaupun undang-undang ini telah disesuaikan mengikut keadaan setempat, ia juga telah dilaksanakan di tanah jajahan Melaka seperti Pahang, Johor dan Pasai (Shellabear 1982).

Proses dakwah yang berkembang pesat di seluruh gugusan Kepulauan Melayu juga disebabkan oleh beberapa faktor yang lain. Pertama, berbanding dengan agama lain, agama Islam lebih menarik dan menakjubkan dari segi amalan dan kepercayaan di kalangan masyarakat Melayu pada waktu itu. Konsep tauhid yang mudah difahami di samping konsep kesederhanaan dalam Islam memudahkan kerja para pendakwah dakwah pada peringkat awal proses Islamisasi. Justeru, mereka tidak menggunakan kekerasan dan juga menganggap diri mereka sebagai kaum yang mempunyai martabat paling mulia daripada kaum yang lain serta merendahkan martabat orang Melayu sebagai media Islamisasi dalam kalangan orang Melayu (al-Attas 1985).

Kedua, amalan demokrasi yang praktikal dalam prinsip Islam melarang amalan kasta tradisi pra-Islam (Werthem 1952). Dalam membuktikan kebenarannya, Werthem berkata "Islam memberi satu perasaan pada setiap individu untuk mempunyai hak dan peranan yang sama dalam komuniti Islam. Menurut kepercayaan Hindu, mereka hanyalah makhluk yang terdiri dari kasta yang lebih rendah hinggalah peringkat kasta atasan. Dengan menganut Islam, kedudukan individu tersebut adalah sama kualitasnya sebagai seorang Muslim, bahkan dia boleh mencapai kedudukan yang lebih tinggi walaupun dia asalnya berkedudukan terendah dalam struktur sosial masyarakat" (Werthem 1952: 196). Seterusnya, al-Attas (t.th.) menyatakan Islam telah merevolusikan penampilan orang Melayu, mereka telah menjadi lebih bijak, teratur dan mempunyai wawasan yang meninggalkan kesan yang penting dalam sejarah Kepulauan Melayu. Islam menurut beliau telah membawa dan membina peradaban baru bagi umat dan dunia Melayu.

Namun, selain daripada kesan positif ini, sesetengah sarjana yang lain menyatakan bahawa Islam yang diamalkan di Kepulauan Melayu telah disesuaikan dengan amalan setempat bagi mengatasi

beberapa halangan yang wujud. Pertama, ia telah disesuaikan dengan amalan sebelum kedatangan Islam. Menurut Mohd Din Ali (1963) penyesuaian ini merupakan salah satu strategi yang dapat memberi manfaat kepada semua. Jika orang Melayu hendak menerima Islam, amalan mereka yang lama hendaklah diubah suai sedikit atau tidak terburu-buru kerana ia telah menjadi amalan hidup mereka. Oleh itu, Islamisasi atau dakwah secara gradual ini terpaksa bersikap toleran terhadap amalan Hindu yang diamalkan sebelum ketibaan Islam dan beberapa kepercayaan Melayu lama yang telah diubah suai (Gullick 1963).

Kedua, golongan pendakwah yang awal membawa Islam ke Tanah Melayu adalah dari kalangan ahli Sufi. Mereka membawa pendekatan Islam dan dakwah yang menumpukan aspek kerohanian dan mistik. Walaupun mereka berjaya menawan hati masyarakat yang turut gemar terhadap unsur-unsur berkenaan, ia turut membiakkan kemunculan gerakan sufi yang sesat atau kaku di rantau ini. Ini memperkuatkan lagi kebangkitan Islam yang berbaur dengan tahyul dan sebagainya yang menjadi masalah kepada perkembangan dakwah yang sebenar (Mohd Taib Osman 1980).

Walau bagaimanapun, kedua-ke dua halangan ini telah diatasi dengan penuh hikmah dan beransur-ansur melalui kemasukan pendakwah Arab dan India Muslim dalam masyarakat Melayu, proses menunaikan haji ke Mekah, dan pertambahan pelajar Melayu di pusat Pengajian Islam yang mendedahkan ajaran Islam yang sebenar kepada mereka. Dengan terdirinya institusi agama seperti masjid dan sekolah agama tradisional iaitu pondok dan pesantren, Islam mula dikembangkan dengan secara sistematik melalui pendekatan dakwah yang berteraskan sumber yang sebenar.

Selain itu, Islam telah menjadi simbol dalam penyatuan Tanah Melayu. Ia dikenali sebagai negara Islam yang sah. Injunksi Islam berdasarkan kepada hukum Syariah (Means 1996). Islam tidak pernah dipisahkan sepenuhnya daripada hal ehwal yang berkaitan dengan pemerintahan. Semua aspek politik mempunyai hubungan kait dengan agama. Syariah adalah penting walaupun hanya melibatkan sebahagian sahaja kerana ia merupakan asas undang-undang Islam. Ahmad Ibrahim (1978) mengatakan rang undang-undang awal, bertulis atau tidak bertulis, telah menunjukkan terdapat polisi Islam terdahulu. Dalam erti kata lain, sebelum zaman penjajahan, sistem politik Melayu adalah tidak Islam menurut kepada istilah konsep klasik. Tetapi satu kesimpulan yang biasanya terjadi di negara yang berasaskan

Islam ialah sistem ini akan menuju kepada sistem yang lebih bercirikan Islam sekiranya tidak diganggu oleh penjajah Barat. Wilkinson (1972) dengan jelas mengatakan “undang-undang Islam akan menjadi undang-undang Malaya jika pihak British tidak campur tangan”. Ini menunjukkan betapa Islam telah mempunyai sejarah kedudukan yang sangat kukuh dalam masyarakat Melayu di Nusantara.

ISLAM DAN DAKWAH ERA PENJAJAHAN BARAT

Bermula pada tahun 1511, Tanah Melayu telah melalui beberapa fasa penjajahan Barat. Bermula dengan penjajahan oleh Portugis pada 1511 dan Belanda pada tahun 1624. Penjajahan yang dimulai oleh Portugis di Melaka ini adalah disebabkan oleh faktor agama berbanding faktor-faktor lain seperti perdagangan dan rempah. Tujuan mengalahkan Islam dan mengembangkan agama Kristian tetap menjadi motivasi atau asas utama kedatangan mereka yang tidak dapat dinafikan lagi walaupun wujud cubaan untuk menafikannya kepentingan faktor ini. Dalam erti kata lain, faktor-faktor lain boleh disifatkan sebagai faktor sampingan yang menyusul bagi memperkuat misi utama kedatangan penjajahan Barat di Alam Melayu. Niat buruk pihak penjajah terhadap Islam dapat dilihat dari usaha Portugis yang cuba menarik masyarakat tempatan kepada agama Kristian setelah menghalau pedagang Islam dan membina kubu bagi mengawal pemerintahan mereka di Melaka. Portugis berusaha menjadikan Melaka pusat perkembangan Kristian di Timur dengan kedatangan St. Francis Xavier, seorang paderi yang mengasaskan pembinaan gereja dan sekolah yang dikhususkan kepada penganut Katolik dan penduduk tempatan yang baru memeluk Kristian. Namun demikian, sambutan orang Melayu terhadap agama Kristian sangat mendukacitakan pihak penjajah Portugis dan Belanda yang menguasai Melaka selepas itu (Maruwiyah Ahmat 2006). Penentangan orang Melayu yang berterusan terhadap Barat menyebabkan kedua-dua kuasa Barat itu mengakui bahawa Islam yang sememangnya telah sebatih dalam masyarakat itu sukar untuk ditundukkan.

Namun demikian, kegagalan penguasaan Barat ke atas orang-orang Melayu mulai berubah selepas dasar *divide and rule* dilaksanakan melalui penyerahan Singapura oleh Belanda kepada British pada tahun 1824. Stamford Raffles telah menjalankan usaha gigihnya untuk menguasai pemikiran orang-orang Melayu. Beliau telah menunjukkan sikap seorang

orientalis tulin apabila cuba memahami penduduk tempatan melalui bantuan Munshi Abdullah yang mengumpul dan menterjemahkan karya-karya Melayu kepada beliau. Justeru, beliau berjaya menguasai Singapura selepas berjaya memujuk pemerintah pulau tersebut dengan helah perjanjian yang licik (Abdullah Munshi 1961). Pendekatan British yang berhikmah ini meninggalkan kesan yang signifikan khususnya dalam kejayaan mereka membentuk pendekatan yang sistematik bagi menguasai Islam dan masyarakat Melayu. Hakikat ini dianalisis secara kritis oleh beberapa sarjana Islam tempatan seperti Wan Hussein Azmi dan Harun Din (1985) yang menyatakan:

Sesungguhnya orang-orang Inggeris telah mengkaji selok-belok bangsa Melayu Islam, sehingga mereka mengetahui sejauh mana kepatuhan bangsa Melayu Islam kepada raja mereka. Lambang kepatuhan mereka yang diwarisi sejak turun-temurun terdapat dalam ungkapan ‘selama-lamanya orang Melayu tidak mendurhakai rajanya.’ Bertolak dari sinilah, orang-orang Inggeris memberi tumpuan sepenuhnya untuk membasuh otak anak-anak raja terutama bakal pengganti raja dengan corak Inggeris Kristian. Mereka bertindak demikian dengan tujuan menjadikan bakal pengganti tersebut sebagai alat untuk menundukkan bangsa Melayu Islam di bawah perancangan penjajahan Salib.

Campur tangan secara langsung dan meluas oleh British dalam politik di Tanah Melayu bermula sejurus selepas Perjanjian Pangkor yang ditandatangani di antara Sultan Perak dan pihak British pada tahun 1874. Perjanjian ini menyebabkan wujudnya sistem Residen di Perak dan negeri-negeri lain seperti Selangor, Pahang, dan Negeri Sembilan. Perjanjian ini berasaskan kepada pemerintahan secara tidak langsung dan dengan ini pihak British dapat mempercepatkan penjajahannya di semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu (B. W. & A. Andaya 1982). Usul campur tangan ini telah dinyatakan pada Fasal IV Perjanjian Pangkor iaitu:

Sultan perlu menerima dan menyediakan tempat tinggal yang sesuai kepada pegawai British yang dipanggil sebagai Residen dia akan menjadi Ahli Majlis Istana dan semua nasihat dalam hal ehwal negara mesti disiasat dan diambil tindakan mengikut budi bicaranya kecuali dalam isu sensitif serta adat istiadat dan agama orang Melayu (Islam) (Gullick 1969).

Sultan hendaklah menerima dan menyediakan kediaman yang sesuai kepada pegawai British yang dikenali sebagai Residen yang akan diiktiraf

oleh mahkamah dan segala pendapat hendaklah dikemukakan dan bertindak ke atas segala persoalan tanpa menyentuh persoalan keagamaan dan kebudayaan orang Melayu.

Deklarasi ini telah menyebabkan berlakunya pemisahan kerajaan yang dikuasai oleh British dengan Islam. Dengan kata lain, sebarang urusan sekular seperti pentadbiran am di seluruh negeri Melayu iaitu undang-undang, sosial dan ekonomi, urusan ini hendaklah diuruskan dengan unsur keagamaan yang terhad di mana hanya melibatkan urusan peribadi Muslim sahaja seperti yang difahami oleh pemikiran sekular orang British (Abdul Aziz 1993).

Penentangan pembesar Melayu seperti yang berlaku dalam beberapa siri pemberontakan terhadap Residen Inggeris tidak melemahkan penguasaan penjajah terhadap Tanah Melayu. British terus menyuburkan sekularisme dalam sistem perundangan sivil dan jenayah yang berasingan di kesemua jabatan kecuali yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat Melayu. Tindakan ini telah mewujudkan sistem perundangan Islam yang lebih formal yang disokong oleh statut, akta, pengesahan dan sebagainya yang mengikut logik barat daripada yang telah sedia ada (B.W. Andaya & L.Y. t.th).

Bahkan institusi Islam formal seperti jabatan dan majlis agama yang diperkenalkan lebih bertujuan supaya British dapat mengawalinya. Pelantikan pegawai agama yang penting adakalanya dilantik dengan mengikut nasihat dan panduan oleh Residen British. Lagipun, pegawai bagi jabatan agama merupakan kakitangan kerajaan bagi tanah jajahan British di mana segala pelantikan, gaji, dan pemecatan mereka di bawah kuasa British. Pendek kata, Islam hanyalah simbol tanpa memiliki kuasa undang-undang dalam birokrasi British (Emily Sadka 1968).

Ringkasnya, menurut Hooker terdapat empat implikasi yang besar dalam sistem perundangan Malaya. Pertama, perundangan Inggeris menjadi undang-undang Tanah Melayu dan kenyataan dalam perundangan Islam dijadikan sebagai syarat mengikut konsep yang telah ditetapkan secara undang-undang. Kedua, terdapat sedikit perubahan untuk menjadikan peraturan itu termaktub. Ketiga, aspek orang awam dalam Islam dan peranan perundangan Islam telah diabaikan serta telah dihadkan kepada lingkungan peribadi sahaja. Manakala yang terakhir, British telah meminimumkan skop Islam dan mencampuri urusan pentadbirannya (Norhashimah 1994). Dalam perkembangan selanjutnya, konsep perundangan dualisme menjadi lebih jelas apabila perundangan Islam hanya digunakan dalam urusan yang berkaitan tentang keagamaan sahaja, sedangkan perundangan

Inggeris telah dijadikan undang-undang negeri Melayu.

Polisi sekular juga diperkenalkan dalam sistem pendidikan. Reformasi sistem pendidikan penduduk Melayu Muslim bukan hanya menyumbangkan secara pasif kepada kehidupan Melayu mengikut prinsip-prinsip Islam, tetapi menimbulkan suatu dimensi baru dan tidak menyenangkan kepada sistem Pendidikan Melayu di dalam negara ini, serta menyebabkan wujudnya budaya pemisahan dalam masyarakat Melayu (Husin Mutalib t.th.). Wujudnya sistem pendidikan baru ini yang bercirikan dan bersifat kebaratan bagi mendapat sokongan daripada golongan aritokrasi Melayu. Salah satu kaedah yang berjaya ialah melalui sebuah pusat khas yang mendidik orang Melayu yang layak bagi mengisi jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam era penjajah (Cham 1977). Kolej Melayu Kuala Kangsar telah diwujudkan bagi golongan Melayu-Barat ini untuk mendidik mereka menjadi elit yang akan menggantikan British setelah mereka meninggalkan negeri Melayu kelak (Roff 1967).

Penguasaan British di tanah Melayu tidak dapat lari dari membawa bersama perkembangan agama Kristian. Walaupun pentadbiran British kelihatan tidak terlibat secara langsung dalam perkembangan agama Kristian, ia menubuhkan sekolah yang ditadbir oleh mubaligh Kristian. Menurut Roff, menjelang 1900 terdapat tujuh daripada 24 buah sekolah adalah di bawah pentadbiran gereja. Walaupun ia tidak berjaya mengubah akidah pegangan pelajar Muslim ketika itu, tetapi ia berjaya mengkristiankan pelajar Cina dan India. Dalam lain pengertian, sekolah seperti ini berjaya menjadi sebahagian daripada rangkaian penting bagi British mengembangkan agama ini melalui sistem pendidikan terutama di kawasan bandar (Ghazali Basri 1992). Tumpuan misionari Kristianisasi secara khusus kepada bangsa Melayu pula dapat dilihat dari usaha awal mereka menerbitkan akhbar Bustan Arifin pada 1821. Akhbar yang boleh didapati dalam versi jawi ini diikuti oleh lima akhbar lain sehingga 1898. Walau bagaimanapun, usaha mereka gagal menarik minat masyarakat Melayu yang masih bersikap ragu-ragu terhadap penjajah dan sistem pendidikan mereka (Mohammad Redzuan t.th.). Justeru, jumlah orang Melayu yang didapati memeluk Kristian adalah sangat kecil. Menurut Brown (1996), jumlah mereka yang memeluk Kristian di kalangan orang Melayu boleh dikira dengan jari sahaja. Misionari Kristian hanya boleh menarik nafas lega hanya apabila kegiatan mereka di Sabah dan Sarawak mula menunjukkan reaksi positif di kalangan penduduk peribumi di sana. Berbeza

dengan orang Melayu, Islam seolah-olah menjadi hak yang eksklusif bagi mereka. Persoalan ini, jumlah konversi ini didakwa meningkat setelah Malaysia mencapai kemerdekaan dari penjajah.

Perkembangan sistem pendidikan di bawah penjajahan British menyebabkan sistem pendidikan agama yang dijalankan melalui institusi tradisional seperti pondok atau surau mengalami kemerosotan. Tanpa sumber kewangan yang kukuh dan pentadbiran formal yang sistematik, sistem pendidikan tradisional ini tertinggal di belakang berbanding pendidikan British. Walaupun British juga memperkenalkan sistem pendidikan vernakular kepada orang Melayu ia dilihat tidak lebih daripada usaha mereka mengekalkan kekuasaan ke atas Tanah Melayu. Tujuan sistem ini jelas mendapat kritikan sarjana tempatan seperti Nordin Selat yang menilai:

Bagi memperbaiki sekumpulan manusia dan untuk menjadikan anak petani atau nelayan menjadi lebih bijak daripada ayahnya, hanya pendidikan yang membolehkan mereka lebih memahami tatacara kehidupan mana yang sesuai untuk mereka (Nordin Selat 1976).

Pendidikan bersifat dualisme ini telah menyebabkan terdapat dua perspektif yang berlainan di kalangan sarjana Melayu. Ia sekaligus mencabar perkembangan dakwah yang seharusnya dilakukan melalui sistem pendidikan yang baik dan Islamik. Sistem pendidikan British menghasilkan Melayu moden yang cenderung ke arah Barat, manakala sistem pendidikan Islam menghasilkan ulama yang tidak terdedah kepada sistem pendidikan moden. Pemisahan aliran pendidikan ini mewujudkan satu golongan nasionalis yang lebih cenderung ke arah Barat manakala yang satu lagi mewujudkan kumpulan Islam yang menentang penjajah. Ini boleh dilihat secara jelas dari penubuhan UMNO dan Hizbul Muslimin dalam kebangkitan memperjuangkan kemerdekaan negara.

Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh British telah memberikan implikasi secara tidak langsung kepada orang Muslim dan Islam. Pada awal abad ke-20, British telah menggalakkan migrasi dari China dan India bagi tujuan ekonomi. Pada 1931, jumlah penduduk Malaya ialah 4,385,346 orang daripadanya sebanyak 44.7% adalah Melayu, 39% Cina dan 14.2% India (Rupert Emerson 1970). Perubahan ini bukan hanya mengakibatkan masalah politik kepada orang Melayu, tetapi telah membawa satu cabaran yang hebat kepada orang Melayu di dalam negara yang mempunyai kepelbagaian agama dan bangsa. Ia juga mencetuskan persaingan ekonomi antara ke semua

bangsa yang mana dalam kebanyakan kes golongan Melayu lebih mundur (Hua 1983). Pengenalan sistem ekonomi kapitalis oleh British telah mewujudkan dimensi ekonomi yang baru di mana ia adalah amat bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

Ketibaan dua kumpulan migrasi ini juga menyebabkan wujudnya persaingan agama di Tanah Melayu. Tidak terdapat bukti yang kukuh menyatakan tentang usaha pengislaman golongan migrasi ini. Dengan itu, peluang ini dan pandangan mereka terhadap Kristian telah menggalakkan pengembangan Islam. Pertambahan bilangan gereja dan baptisan, terutamanya dalam kalangan bangsa Cina adalah menggalakkan. Contohnya, terdapat 29 dewasa dibaptiskan pada 1952, dan pada 1954 adalah 218 orang. Dicatatkan bahawa William Milne dari kumpulan London Missionary Society (LMS) tiba di Melaka pada 1814 bagi tujuan penyebaran Kristian. Beliau menjadi pengasas kepada Anglo Chinese College dan pengeluar akhbar yang sangat tekun dalam gerakerja misionarinya. Pada suku kedua kurun ke-9 pula menyaksikan penumpuan misionari Kristian kepada kaum India apabila Church Missionary Society daripada United Kingdom dan Australia telah menghantar paderi untuk bekerja sebagai penanam getah bersama mereka (Ghazali Basri 1992). Perkembangan Kristian di kalangan migran ini mencetuskan cabaran dan persaingan kepada Islam yang berterusan hingga ke hari ini.

Cabaran lain terhadap Islam yang dikaitkan dengan peranan pejuang British boleh juga dilihat dari penularan fahaman ajaran Qadiani yang bertapak di Singapura pada awal 1930-an. Qadiani diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad di India sekitar awal 1900-an disokong kuat oleh British bagi mematahkan kebangkitan jihad umat Islam di India (Abdul Rahman Umairah 1978). Kebangkitan ajaran baru di Singapura diperkuatkan oleh Maulana Hussin Iyaz yang datang ke Singapura 1935. Namun penyebarannya di kalangan orang Melayu kurang mendapat sambutan walaupun ia berupaya memecahbelahkan perpaduan umat Islam seperti di India. Penularan ajaran sesat seperti ini berterusan apabila fahaman Bahai yang diasaskan oleh Ali Muhammad al-Shirazi di Iran pada 1820 telah dinaungi dan dibantu perkembangannya oleh penjajah British. Sokongan ini terbukti apabila Pegawai Daerah Inggeris memperuntukkan tanah perkuburan kepada penganut Bahai di Jeram Selangor pada 1954 (Che Mat Che Ali 1982). Kerjasama yang baik dari mubaligh Kristian juga menyebabkan gerakan Bahai berjaya meluaskan pengaruhnya di Borneo apabila ia berjaya bertapak di Sabah dan menjadi tumpuan penggerak dari Indonesia (Anwar

al-Jundi 1979). Justeru, pertapakan dua gerakan ini adalah jelas dihubungkan kepada usaha penjajah dalam rangka memecahbelahkan perpaduan umat Islam yang beraliran Ahli Sunnah wa al-Jamaah di Alam Melayu. Walaupun mereka tidak berjaya mempengaruhi umat Islam, kehadirannya di atas dokongan penjajah telah berjaya melebarkan lagi cabaran yang harus ditangani oleh gerakan dakwah di negara ini.

Ringkasnya, penjajahan Barat di Tanah Melayu telah menyediakan suatu landskap yang luas bagi pertembungan dua nilai yang saling bertentangan dalam pelbagai aspek kehidupan di negara ini. Hakikat yang pastinya menjadi cabaran getir bagi gerakan dakwah Islamiah ini dijelaskan secara tegas oleh Ahmad Ibrahim, iaitu:

Di negara kita sayangnya tidak terdapat “Umat Islam” dengan erti kata yang sebenarnya iaitu oleh sekumpulan orang Islam yang bersatu, yang menerima ajaran Islam dengan sepenuhnya dan bersedia berjuang untuk melaksanakan ajaran-ajaran Islam dalam semua bidang hidupnya. Penjajahan yang kita alami telah meninggalkan kesan yang buruk, telah menghancurkan perpaduan kita dan telah menyesatkan cara hidup serta fikiran orang-orang Islam dan memecahkan sistem-sistem yang seharusnya wujud di negara kita. Oleh kerana pengaruh penjajahan itu maka telah timbul perselisihan antara aliran tradisional dan aliran moden hinggalah seolah-olah terdapat dua golongan yang berasingan dan berlaga di antara satu dengan yang lain. Oleh kerana pengaruh penjajahan itu juga kita dapati semua struktur dan sistem kerajaan, pemerintahan, politik, ekonomi dan sosial di negara kita tidaklah berdasarkan kepada ajaran Islam tetapi meniru cara moden yang telah dibawa oleh penjajah itu. Umat Islam telah berpecah dan telah mengeneipkan sistem serta cara hidup yang diajar oleh Islam. Mereka menyamakan Islam dengan agama Kristian umpamanya, dan tidak lagi yakin bahawa Islam harus menjadi pedoman dan penilaian kita dalam semua urusan cara hidup kita (Ideris Endot 1988).

Kesan penjajahan seperti yang dikesan oleh sarjana di atas selanjutnya dilihat menimbulkan dua bentuk pandangan dalam menanggapi persepsi dan pendekatan dakwah di negara ini. Kesinambungan dan perubahan pastinya dapat dilihat secara lebih jelas apabila membicarakan Islam dan dakwah dalam konteks negara Malaysia moden hari ini.

KESIMPULAN

Berdasarkan sorotan di atas, Islam dan dakwah atau lebih khusus dakwah Islamiah telah melalui suatu pengalaman yang mencabar. Walaupun bermula dengan suatu kejayaan yang agak memberangsangkan justeru berjaya menggantikan penguasaan agama Hindu dan Buddha di Alam Melayu, ia terpaksa berdepan dengan penguasaan penjajah yang berjaya mengeneipkan Islam dan dakwah dari perjuangan arus perdana negara. Jika kemunculan awal Islam dengan gerakan dakwah yang bersifat konservatif berjaya mengubah masyarakat Nusantara menjadi lebih bertamadun dan progresif, kedatangan penjajah pula mencabar dominasi Islam sebagai agama yang berpengaruh di rantau ini. Kejayaan penguasaan politik penjajah telah menyebabkan Islam dan dakwah dipinggirkan sesuai dengan pendekatan sekular Barat. Mereka bukan sahaja mendokong penyebaran agama Kristian secara tidak langsung bahkan berjaya meletakkan beberapa halangan bagi perkembangan Islam dan dakwah dalam bidang ekonomi, pendidikan dan sosial umat Islam. Halangan-halangan ini kekal menjadi duri dalam daging yang mencabar perkembangan Islam dan dakwah di Malaysia di masa hadapan kecuali wujud usaha yang berterusan bagi mengembalikan kegemilangan yang pernah dikecapinya suatu ketika dahulu. Proses dakwah dalam mengembalikan kegemilangan Islam di masa hadapan tidak terlepas dari menjadikan zaman kebangkitan awal Islam dan era penjajahan Barat sebagai panduan.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Mohd Zain. 1993. *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Umairah. 1978. *al-Madhahib al-mua 'sirah wa mawqif al-Islam minha*. al-Riad: Dar al-Liwa'.
- Abdullah Munshi bin Abdul Kadir. 1961. *Kesah pelayaran Abdullah*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- Ahmad Ibrahim. 1970. *Towards a History of Law in Malaysia and Singapore*. Singapore: University of Singapore.
- _____. 1978. The Positions of Islam in the constitutions of Malaysia. Dlm. *The constitution of Malaysia: Its Development 1957-1977*. Kuala Lumpur.
- al-Attas, Naquib S.M. 1963. *Some Aspects of Sufism as Understood and Practiced Among the Malays*. Singapura: Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia.

- _____. 1969. *Preliminary Statement on the General Theory of the Islamisation of the Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur.
- _____. 1985. Notes on various theories regarding the Islamisation of the Malay archipelago. Dlm. *Muslim World*. LXXV.
- Anwar al-Jundi. 1979. *al-'Alam al-Islami wa al-isti'ma al-siyasi wa al-ijtima'i wa al-thaqafi*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misri.
- Arnold, T. W. 1970. *The Preaching of Islam*. Lahore: Ashraf Publication.
- B. W. dan Andaya, A. 1982. *A history of Malaysia*. London: MacMillan.
- Brown, L. E. 1936. *Christianity and the Malays*. London: SPCK.
- Cham, B. N. 1977. Colonialism and communaism in Malaysia. Dlm. *Journal of Contemporary Asia* 7: 2.
- Che Mat Che Ali. 1982. Dakwah Islamiah dan gerakan Kristian di kalangan penduduk orang asli di Malaysia. Dlm. *Masa* 3. Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.
- Emerson, R. 1970. *Malaysia a Study in Direct and Indirect Rule*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Fatimi, S. Q. 1963. *Islam comes to Malaysia*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.
- Gabriel, T. 1996. *Christian-Muslim relations a Case Study of Sarawak East Malaysia*. Avebury: Ashgate Publishing Limited.
- Geertz, C. 1968. *Islam Observed Religious Development in Morocco and Indonesia*. New Haven: Yale University Press.
- Ghazali Basri. 1992. *Christian mission and Islamic da'wah*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Gullick, J. M. 1969. *Indegineous political system of Western Malays*. London.
- Harrison, B. 1968. *South East Asia a short history*. London: Mac Millan Press.
- Hua, W. Y. 1983. *Class and community in Malaysia: politics in a dependent capitalist state*, London: Zed Books.
- Husin Mutalib. 1990. *Islam and ethnicity in Malay politics*, Singapura.
- Ibrahim Ma, *Muslims in China*. Kuala Lumpur: PERKIM.
- Ideris Endot. 1988. *Tasawwur dakwah Islamiah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.
- Iskandar Zulkarnain. 2005. *Gerakan Ahmadiyah di Indonesia*. Yogyakarta: LKIS Yogyakarta.
- Maruwiyah Ahmat. 2006. *Penjajahan Portugis dan Sepanyol ke atas Asia Tenggara*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Means, G. P. 1996. The role of Islam in political development of Malaysia. Dlm. *Comparative Politics* 1: 2.
- Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Din Ali. 1963. Two foces in Malay society. Dlm. *Intisari* 1: 3.
- Mohd Taib Osman. 1980. Islamisation of the Malays: a transformation of culture. Dlm. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Mohd Yusof Iskandar. 1979. Masyarakat Melaka 1400-1511 dengan tinjauan khusus mengenai orang-orang asing. Dlm. *Malaysia Sejarah dan Proses Pembangunan*, disunting oleh Khoo Kay Kim. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Morrison, G. E. 1957. Islam and the church in Malaya. Dlm. *Muslim World* XL: VII.
- Muhammad Abu Bakar. 1991. Sufi in the Malay-Indonesia world. Dlm. *Islamic Spirituality Manifestations*, disunting oleh Syed Hossein Nasr. New York: SCM.
- Nodin Selat. 1976. *Kelas Menengah Pentadbir Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Norhashimah Mohd Yasin. 1994. Islamisation or Malaynisation?: a study on the role of Islamic law in the economic development of Malaysia (1969-1993). Tesis Ph.D. University of Warwick.
- Roff, W. R. *The Origin of the Malay Nationalism*. New Haven and London: Yale University Press.
- Sadka, E. 1968. *The protected Malay state 1874-1895*. Kuala Lumpur.
- Shellabear, W. W. 1982. *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Shellabear, W. G. 1967. *Sejarah Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tibbetts, G. R. 1951. *Arab seafaring*. New Jersey: Princeton University.
- Van Leur, J. C. 1959. *Indonesian trade and society: essay in Asian social and economic history*. The Hague.
- Wan Hussein Azmi dan Haron Din. 1985. *al-Da'wah al-Islamiyyah fi Maliziya zuhuruha wa intisharuha*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Werthem, W. F. 1959. *Indonesia Society in Transition – A Study of Social Change*. The Hague.
- Wilkinson, R. J. 1972. *Papers on Malay Subjects: Law*. Part 1. Kuala Lumpur.

Badlihisam Mohd Nasir, PhD.
 Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 bmn@ukm.my